

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

ANDA MENGHADAPI TEKANAN?

Sejak 11 Julai 2002 sehingga 18 Julai 2002, Tele-Kaunseling Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh DBKL telah menerima sebanyak 64 panggilan iaitu 36 pemanggil lelaki (56%) dan 28 pemanggil wanita (44%).

Sebanyak 19 kategori masalah telah dikenal pasti dan 72 masalah telah dibincangkan atau diberi kaunseling melalui telefon dan e-mel. Panggilan yang paling banyak diterima ialah pada hari Jumaat (19 panggilan) dan paling kurang pada Ahad (5 panggilan) dan Rabu (5 panggilan).

Masalah utama yang dihadapi oleh klien merupakan masalah kekeluargaan (15.3%). Ini diikuti dengan masalah seperti tekanan hidup (12.5%), perhubungan (9.7%), perkara berkaitan dengan DBKL (9.7%), peribadi (6.9%), remaja (6.9%) dan lain-lain.

Sebagai penguasa tempatan yang pertama di Malaysia memberikan perkhidmatan kaunseling secara on-line, DBKL berharap agar perkhidmatan ini dapat membantu warga kota yang berjumlah 1, 297, 526 orang (Banci 2000) dalam menghadapi masalah-masalah kerja, keluarga, perhubungan suami isteri, anak-anak, persekitaran dan lain-lain lagi.

Y.Bhg Datuk Mohamad Shaïd Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur melayari laman khidmat tele-kaunseling sambil diperhatikan oleh Y.Bhg Datuk Halijah Othman dan Tuan Hj. Salleh Yusup



Tele-Kaunseling meramalkan banyak panggilan akan diterima di masa-masa akan datang memandangkan panggilan yang diterima dalam seminggu yang lalu walaupun tidak banyak publisiti yang diberi terhadap perkhidmatan baru DBKL ini.

Program Tele-Kaunseling secara percuma ini beroperasi 24 jam sehari bertempat di tingkat satu, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Seramai 20 orang sukarelawan/sukarelawati terlatih bertugas secara bergilir-gilir mengikut syif dan seramai 55 orang pengamal kaunseling akan turut membantu. Tenaga kaunselor adalah dari agensi-agensi kerajaan dan NGO.



Salah seorang sukarelawan tele-kaunseling menerima sijil daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur.



Rencana Pengarang

Dalam menongkah arus kemajuan dan perkembangan pesat ke arah kehidupan moden yang serba mencabar, manusia tidak dapat lari dari masalah. Setiap ruang lingkup kehidupan, setiap gerak langkah dan kegiatan mengundang masalahnya yang tersendiri sama ada berbentuk peribadi, kekeluargaan, kejiranan atau masalah umum yang lain seperti masalah dalam kerjaya dan perniagaan, perhubungan dan interaksi dan masalah sejagat seperti pencemaran alam sekitar, keruntuhan nilai sosial, jenayah dan sebagainya.

Masalah yang tidak ditangani dengan bijaksana akan mengakibatkan tekanan, ketegangan dan gangguan kesihatan. Ia juga boleh menjejaskan keharmonian hidup, mencacatkan keunggulan peribadi dan memberi kesan kepada produktiviti dan keupayaan diri.

Kita harus bijak mengenal pasti masalah dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasinya. Berpegang teguh kepada ajaran agama dan menghampirkan diri kepada Tuhan dapat melahirkan ketenangan jiwa dan kekuatan rohani yang menjadi senjata ampuh dalam mengharungi hidup yang penuh pancaroba.

Penggunaan masa yang berfaedah, beriadah dan sumbangan bakti kepada kegiatan amal dan sukarela juga mampu meningkatkan ketahanan diri.

DBKL menyediakan berbagai-bagai kemudahan dan prasarana kepada orang ramai sama ada untuk kegiatan sukan, hiburan, rekreasi, kemasyarakatan dan seni budaya. Orang ramai digalakkan untuk memanfaatkan kemudahan-kemudahan ini.

Jabatan Kerja Awam
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut
03-2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC
03-4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah Blok A,
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03-2691 6011 samb. 3806/3868

Jabatan Pengangkutan Bandar
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,
Km.4, Jalan Cheras.
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.
03 - 2698 6989

Jabatan Pelesenan
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan
Tingkat Bawah,
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 6011

Hotline DBKL
03-4022 0033
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)
03-9284 3636/9284 3434
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam
Bhg. Hal Ehwal Awam
03-2699 3852

Hari Mesra Pelanggan
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)
9.00 pagi - 12 tengahari

Pegawai Bertugas
Muhamad Bin Wahab Tel: 03-2697 7097

Penasihat

Muhammad Ali Halijah Binti Othman

Ketua Editor

Muhammad Bin Hj. Mohd. Zain

Editor

Ariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor

Hanim Binti Hj. Hashim

Suriyana Binti Ismail

Jurufoto

Mubarak Bin Mohd. Atan

Abd. Khani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Cetakan

Unit Repografi

Jabatan Pengurusan Organisasi

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamat Editor

Berita Bandaraya

Bahagian Hal Ehwal Awam

Jabatan Pengurusan Organisasi

Tingkat 5, Bangunan DBKL

Atau berhubung dengan

Suriyana Binti Ismail

Tel: 03-2691 6011 samb. 3851

Faks: 03-2694 1373

E-mel: akhbar@dbkl.gov.my



BUSINESS PARTNER CITY KUALA LUMPUR - OSAKA

Penubuhan 'Business Partner City' telah ditimbulkan oleh Mr. Kenichi Kiriya, Ketua Pengarah Ekonomi, Osaka sempena lawatan beliau ke Kuala Lumpur pada 22 Oktober 1988.

Pada 10 Ogos 1989, perjanjian 'Business Partner City' telah ditandatangani di Osaka di antara Datuk Bandar Kuala Lumpur yang ketiga, Tan Sri Dato' Elyas Omar dengan H.E Masaya Nishio, Datuk Bandar Osaka. Memandangkan kebanyakan perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat - mesyuarat Business Partner City adalah mengenai perdagangan maka pihak MATRADE, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) pada tahun 1994.

Antara kandungan perjanjian Business Partner City adalah untuk mempergiatkan hubungan ekonomi khususnya dalam bidang industri kecil dan sederhana (SMI). Ia juga menggalakkan hubungan persahabatan dan kepatutan antara warga kota Kuala Lumpur dan Osaka.

Hubungan ekonomi Kuala Lumpur dengan Osaka lebih meruncin kepada penyertaan kedua-dua buah bandar dalam menerusi simposium, pameran, pertukaran pakar dan lawatan. Terkini, pihak MATRADE telah menghantar dua orang usahawan muda untuk menyertai 'Business Partner City Human Resource Development Programme for Asian Entrepreneurs 2001'.

Dengan kos pembinaan sebanyak RM 2,691,437, Pusat Komuniti Gombak, Kuala Lumpur ini telah mengambil masa selama 13 bulan untuk disiapkan sepenuhnya iaitu bermula pada 22 November 2000 hingga 10 Disember 2001.

Pusat Komuniti ini dilengkapi dengan dewan yang boleh memuatkan tiga buah gelanggang badminton, gimnasium, bilik-bilik mesyuarat, bilik warga tua, perpustakaan, kantin, bilik persalinan, tandas dan kegiatan kerja tangan wanita.

DBKL berharap agar warga kota dapat memanfaatkan Pusat Komuniti ini dengan sebaik mungkin kerana ianya sesuai untuk segenap lapisan warga kota melakukan aktiviti bersukan, beriadah serta kemasyarakatan. Di samping itu, ianya juga berfaedah khususnya kepada golongan remaja untuk menggunakan perpustakaan yang ada sebagai tempat rujukan dan menimba ilmu.

TAHUN 2003 SUKAN OLAHRAHA UNTUK ANGGOTA DBKL

Karnival Sukan DBKL telah berlangsung pada 12-14 Julai 2002. Pelbagai acara telah dipertandingan antara jabatan-jabatan DBKL. Johan keseluruhan telah dimenangi oleh Jabatan Direktorat Penguatkuasaan.

Y. Bhg Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah bersetuju pada tahun 2003, karnival sukan dimeriahkan lagi dengan acara olahraga.

MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA.